




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

18 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 201 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 244,581 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 174 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 236,844 orang. Manakala 674 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 421 orang di hospital, 246 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 31 orang merangkumi 27 di ICU/repurposed kritikal *care* serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 20 (25.97%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian kembali melebihi angka 200 dengan 201 kes baharu, pertambahan sebanyak 38 kes berbanding semalam.
- b. Terdapat sembilan (9) daerah mencatatkan kes dua (2) angka dengan Kota Kinabalu (42 kes) dan Tuaran (37 kes) melebihi paras 20 kes. Sepuluh daerah merekodkan kes satu (1) angka dan lapan (8) daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Empat (4) daerah mencatatkan peningkatan dua (2) angka iaitu Tuaran +31 kes, Tawau +12 kes, Tambunan +12 kes dan Sandakan +11 kes sementara daerah-daerah yang mencatatkan penurunan dua (2) angka pula ialah Penampang -16 kes, Putatan -13 kes dan Ranau -10 kes. Terdapat tiga (3) daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- d. Daerah Ranau merekodkan satu (1) kluster baru 'institusi pendidikan' iaitu Kluster Puri Ranau. Kes indeks kluster ini merupakan seorang pelajar perempuan SMK Ranau berumur 19 tahun yang dikesan positif setelah menjalani ujian sendiri kerana bergejala. Ujian pengesahan COVID-19 telah dijalankan di mana kes didapati positif. Saringan terhadap rakan sekelas dan sebilik kes telah dijalankan dan enam (6) orang lagi didapati positif. Kesemua pelajar perempuan tersebut berada dalam Kategori 1 dan 2 sahaja dan telah diasing serta diberi rawatan yang sesuai.
- e. Sebanyak 196 daripada 201 kes baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, empat (4) kes dalam Kategori 3 dan satu (1) kes lagi dalam Kategori 4. Tidak ada pesakit dalam Kategori 5.

- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (105) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	8	3.98%
2	Bergejala	79	39.30%
3	Kontak	105	52.24%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	9	4.47%
JUMLAH		201	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/01/2022	Catatan Kes 18/01/2022	Perbandingan
1	Tuaran	6	37	+31
2	Tawau	2	14	+12
3	Tambunan	0	12	+12
4	Sandakan	3	14	+11
5	Keningau	7	13	+6
6	Beluran	0	6	+6
7	Kota Marudu	5	10	+5
8	Tenom	1	5	+4
9	Kuala Penyu	0	4	+4
10	Telupid	0	2	+2
11	Sipitang	2	3	+1
12	Kalabakan	1	2	+1
13	Lahad Datu	1	2	+1
14	Beaufort	2	2	Mendatar
15	Nabawan	0	0	Mendatar
16	Tongod	0	0	Mendatar
17	Pitas	0	0	Mendatar
18	Penampang	34	18	-16
19	Putatan	13	0	-13
20	Ranau	20	10	-10
21	Kota Kinabalu	50	42	-8
22	Papar	7	4	-3
23	Kota Belud	4	1	-3
24	Semporna	2	0	-2
25	Kinabatangan	1	0	-1
26	Kudat	1	0	-1
27	Kunak	1	0	-1
JUMLAH		163	201	+38

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (4 Januari – 17 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	27	15	0	0	42	630
Tuaran	0	19	17	0	1	37	335
Penampang	0	15	2	0	1	18	280
Sandakan	0	1	13	0	0	14	107
Tawau	0	13	0	0	1	14	73
Keningau	0	9	3	0	1	13	156
Tambunan	0	3	9	0	0	12	115
Ranau	8	2	0	0	0	10	245
Kota Marudu	0	3	7	0	0	10	114
Beluran	0	5	1	0	0	6	36
Tenom	0	3	1	0	1	5	88
Papar	0	2	1	0	1	4	191
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	88
Sipitang	0	0	2	0	1	3	56
Beaufort	0	0	1	0	1	2	97
Lahad Datu	0	0	1	0	1	2	27
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	10
Telupid	0	0	2	0	0	2	29
Kota Belud	0	0	1	0	0	1	200
Putatan	0	0	0	0	0	0	92
Semporna	0	0	0	0	0	0	10
Kudat	0	0	0	0	0	0	22
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	34
Kunak	0	0	0	0	0	0	7
Pitas	0	0	0	0	0	0	19
Tongod	0	0	0	0	0	0	22
Nabawan	0	0	0	0	0	0	28
JUMLAH	8	105	79	0	9	201	3,111

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Kem Bina	1
	Kluster Puri	7
Jumlah		8

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Puri Ranau - Ranau yang tercetus dalam asrama perempuan SMK Ranau merupakan kluster jenis institusi pendidikan. Kes indeks adalah pelajar perempuan, 19, dikesan positif COVID-19 melalui ujian saringan sendiri pada 16hb Januari 2022 kerana bergejala dan telah dikuarantin. Ujian pengesahan COVID-19 pada hari seterusnya juga mendapati kes indeks positif RTK-AG. Saringan terhadap rakan sebilik dan rakan sekelas mengesan enam (6) lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak tujuh (7) kes. Para pesakit dikategorikan sebagai bergejala ringan (Kategori 1 & 2) dan telah diasing serta diberikan rawatan selanjutnya.

7 Jumlah kapasiti katil 3,785 unit

- Hospital 1,188 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.81%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	200
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	201

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	195
Bukan Malaysia	6
Jumlah	201

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	37
Belum Menerima Vaksin	14
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	120
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	30
Jumlah	201

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	14
6 to 11	19
12 to 17	26
18 to 25	36
26 to 59	83
>60	19
Jumlah	201

C KEBENARAN UNTUK MENGADAKAN UPACARA SEMBAHYANG DAN AKTIVITI KEAGAMAAN HINDU SEMPENA PERAYAAN THAIPUSAM DI SABAH PADA 18 JANUARI 2022

- 1 Kerajaan Negeri Sabah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) telah memberi kebenaran bagi menjalankan upacara sembahyang di tiga (3) kuil seperti berikut tertakluk tidak melibatkan sebarang perarakan atau 'kavadi' semasa perayaan :
 - (1) Kuil Sri Sitti Vinayagar, Sandakan
 - (2) Kuil Sri Thirumurugan, Tawau
 - (3) Kuil Sri Subramaniam, Kem Lok Kawi, Putatan.
- 2 Kebenaran diberikan dengan syarat pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Pihak Berkuasa Negeri. Pihak Malaysia Hindu Sangam, Majlis Negeri Sabah hendaklah memastikan agar semua penganut yang terlibat WAJIB menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan telah lengkap divaksin dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 17 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 12,631 orang. Daripada jumlah ini, seramai 12,510 orang adalah penduduk dewasa dan 120 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 17 Januari 2022 adalah seramai 2,452,753 orang. Ini meliputi 2,115,780 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.70% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,408,387 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,031 orang atau 75.99% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,973 orang atau 77.64% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,356 atau 71.97% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,990** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,357 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 135 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 884 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak empat (4)notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 537 premis perniagaan dan 765 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 279 Premis Perniagaan melibatkan 152 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 40 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 63 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98.5%
2	Kinabatangan	98.5%
3	Semporna	98.5%
4	Lahad Datu	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beluran	98.4%
7	Sandakan	98.3%
8	Papar	98.2%
9	Kota Kinabalu	98.2%
10	Ranau	98.2%
11	Kota Belud	98.2%
12	Keningau	98.2%
13	Beaufort	98.2%
14	Sipitang	98.2%
15	Tuaran	98.2%
16	Tenom	98%
17	Penampang	98%
18	Tawau	98%
19	Kota Marudu	97.9%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II